

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23 February 2016



NAJIB TUN RAZAK ceria ketika menunjukkan wawancara ibunya, Tun Rahah yang terkandung dalam keluaran khas *Mingguan Malaysia 40 Tahun Kembara Politik Najib* di Pekan, Ahad lalu.

Um - 23/2/2016

Tun Rahah ibu mithali

SAUDARA PENGARANG.

SECARA jujurnya saya terkesan apabila membaca wawancara pendek ibu Perdana Menteri, Tun Rahah Mohammad Noah yang disiarkan dalam keluaran khas *Mingguan Malaysia 40 Tahun Kembara Politik Najib* semalam.

Saya percaya sesiapa yang membacanya pasti akan merasai aura serta naluri keibuan yang ada pada Tun Rahah apabila beliau mula membicarakan tentang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga anak sulungnya dalam wawancara itu meskipun agak ringkas.

Halakatnya, beliau berjaya menjaga, mendidik serta membentuk lima anak lelakinya itu sehingga menjadi insan berguna meskipun suaminya Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein tiada di sisi selepas dijemput Ilahi pada 14 Januari 1976.

Dalam konteks Najib, saya amat yakin Tun Rahah amat berbangga dengan kedudukan yang dicapai oleh anak sulungnya itu sebagai Perdana Menteri, jawatan yang sama pernah dipegang oleh suaminya dahulu.

Sebagai ibu, saya juga pasti beliau akan berusaha sedaya upaya membantu anaknya itu dalam apa cara sekalipun dan dalam wawancara ini Tun Rahah memberitahu doa menjadi senjatanya untuk memastikan

Najib sentiasa dilindungi sepanjang penglibatannya dalam dunia politik.

Beliau sedar tentang cabaran yang terpaksa dihadapi Najib. Oleh itu, beliau menggunakan kelebihan doanya sebagai ibu dalam usaha membantu Perdana Menteri berhadapan dengan segala dugaan yang mendatang.

Tidak mustahil juga kejayaan Najib hingga ke peringkat ini sejak menceburi bidang politik 40 tahun lalu adalah hasil daripada doa ibunya yang tidak pernah putus-putus.

Teringat saya kepada satu hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: "Tiga doa yang pasti dimakbulkan Allah iaitu doa seorang bapa (dan ibu), doa orang yang bermusafir dan doa orang yang dizalimi." (Riwayat Abu Daud).

Cuba kita perhatikan kata-kata Tun Rahah dalam wawancara tersebut; "Doa lah yang paling utama. Alhamdulillah semuanya berlaku dengan baik (walaupun) lepas satu-satu dugaan datang (buat Najib). (Tetapi) dalam politik memanglah (namun) dia sabar, dia tidak panik."

Apa pun keceriaan yang terpancar di wajah Tun Rahah dalam keluaran khas berkenaan jelas menggambarkan betapa beliau sangat mengambil berat dan bangga dengan Najib.

PEMINAT TUN RAHAH
Kuala Lumpur